

EMBARGO SEHINGGA 5:15 PM, RABU, 21 OKTOBER 2020

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM TERBIT TRANCHE KETIGA SUKUK MURABAHAH SUBORDINAT BERNILAI RM700 JUTA

KUALA LUMPUR, Rabu, [21 Oktober 2020]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") berjaya menerbitkan tranche ketiga Sukuk Murabahah ("Sukuk") bernilai RM700.0 juta di bawah Program Sukuk Murabahah RM10.0 billion pada hari ini. Sukuk ini merupakan Sukuk Subordinat kedua yang diterbitkan Bank Islam dalam tahun 2020.

Sukuk ini dikategorikan sebagai modal kawal selia aras 2 Bank Islam dalam mematuhi Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) bagi Institusi Perbankan Islam oleh Bank Negara Malaysia. Penerbitan Sukuk ini akan meningkatkan kecukupan modal Bank Islam, sejajar dengan keperluan Basel III.

Sukuk ini boleh ditebus balik pada nilai nominal penuh setelah tempoh matang, dan didatangkan dengan pilihan pembelian pada tahun kelima terbitannya. Ia juga menerima penarafan A1/stabil oleh RAM Rating Services Berhad ("RAM Ratings").

Program Sukuk Murabahah Bank Islam ini telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") pada 6 September 2018. Di bawah program tersebut, Bank Islam diberi fleksibiliti untuk menerbitkan Sukuk Murabahah Subordinat dan/atau Sukuk Murabahah Kanan dalam tempoh terlibat.

RAM Ratings telah mengesah semula penarafan jangka panjang A1/stabil dan AA3/stabil kepada masing-masing Sukuk Murabahah Subordinat dan Sukuk Murabahah Kanan, di bawah Program Sukuk Murabahah ini.

Bank Islam juga merupakan Penasihat Utama, Penyusun Utama, Ketua Pengurus, dan Penasihat Syariah bagi Program Sukuk Murabahah tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata "Program Sukuk Murabahah RM10.0 bilion ini merupakan program sukuk kedua yang diperkenalkan oleh Bank Islam. Program ini telah menerbitkan tranche pertama pada 7 November 2019 yang melibatkan RM300.0 juta, diikuti oleh tranche kedua berjumlah RM400.0 juta pada 26 Mac 2020."

"Dari segi sejarah, Bank Islam telah memperkenalkan Program Sukuk pertama dalam bentuk Program Sukuk Murabahah Subordinat RM1.0 bilion dalam tiga tranche pada Oktober 2014. Bank telah menerbitkan tranche pertama bernilai RM300.0 juta pada April 2015, diikuti tranche kedua bernilai RM400.0 juta pada Disember 2015 dan tranche ketiga bagi program ini yang bernilai RM300.0 juta pada November 2017," tambahnya.

Untuk makluman lanjut, sila layari www.bankislam.com.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com, atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
---	---